



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
10 OKTOBER 2018 (RABU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|--|----|
| - Kakitangan awam capai skor sederhana | 05 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 OKTOBER 2018 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kakitangan awam capai skor sederhana
Muka Surat	05

BH Rabu, 10 Oktober 2018 • **Ms.5**

→ DASAR&PENTADBIRAN

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Borhan bersama penerima anugerah pada Persidangan Psikologi Ke-23 2018 di Putrajaya, semalam.

INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI MALAYSIA

Kakitangan awam capai skor sederhana

• Khidmat psikologi, kaunseling perlu diperkujuh tangani masalah mental

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
cnews@NSTP.com.my

Putrajaya

Penjawat awam hanya mendapat skor sederhana dalam Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia yang dijalankan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Ogos lalu.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Borhan Dolah, ber-

kata menerusi kajian itu, penjawat awam mencatat skor 6.9 daripada 10 dalam nilai komposit indeks kajian itu.

"Kajian ini menunjukkan kesejahteraan kakitangan awam berada pada tahap sederhana.

"Tahap kebahagiaan mereka sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) mungkin berbeza dan sekarang mungkin berbeza.

"Mungkin mereka tidak gembira kerana tiada bonus," katanya ber-

seloroh ketika berucap pada Persidangan Psikologi Ke-23 2018 di sini, semalam.

Laksana program psikologi

Borhan berkata, beliau juga menyertai ketua jabatan supaya memastikan setiap kakitangan mereka menjalani kesejahteraan mental, fizikal dan rohani serta aspek kewangan mereka.

Katanya, beliau mahu program psikologi dilaksanakan khusus bagi penjawat awam yang tidak dan belum mengalami masalah mental.

Justeru, beliau berkata, perkhidmatan psikologi dan kaunseling pada peringkat komuniti mestilah diperkujuhkan untuk memberikan perkhidmatan lebih baik kepada rakyat.

"Saya percaya dengan pendekatan psikologi yang betul dan berkesan, ia dapat menguruskan masalah mental di tempat kerja," katanya.